

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 12.12.2025 MASA: 11:00PG

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

SEMPENA

**MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN SESI *TOWN HALL*
DAN PENYAMPAIAN ANUGERAH PENGURUSAN
DEWAN KOMUNITI DAN TADIKA MAJLIS BANDARAYA
SEBERANG PERAI TAHUN 2025**

TARIKH / MASA / TEMPAT

**14 DISEMBER 2025 (AHAD)
11.10 PAGI**

**DEWAN DATO' HAJI AHMAD BADAWI, BUTTERWORTH
SEBERANG PERAI UTARA**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Dihormati Whip Ahli Majlis dan Ahli-Ahli Majlis
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor
Setiausaha Bandaraya
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Tpr Hj Mohd Ridzal Bin Abdul
Pengarah Perhubungan Komuniti Merangkap Penyelaras Program

Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Pengerusi-Pengerusi Dewan Komuniti Tadika MBSP

**Rakan-Rakan Media , Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang
dihormati sekalian**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia
MADANI,

1. ***Alhamdulillah***, segala puji dan kesyukuran kita panjatkan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya jua, kita dapat berhimpun pada pagi yang penuh keberkatan ini bagi menjayakan **Majlis Perasmian Penutupan Sesi *Town Hall* Dan Penyampaian Anugerah Pengurusan Dewan Komuniti Dan Tadika Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) Tahun 2025.**
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan **setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih** kepada semua hadirin, khususnya kepada para pengurus dewan komuniti dan tadika MBSP, wakil-wakil jabatan, pemimpin setempat serta semua pihak yang sentiasa mendukung usaha MBSP dalam memperkasa kemudahan awam demi kesejahteraan warga Seberang Perai. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan pada pagi ini melambangkan komitmen yang tinggi terhadap amanah yang dipertanggungjawabkan.
3. Seperti mana yang kita sedia maklum, MBSP memiliki **293 buah Dewan Komuniti dan 32 buah Tadika** di seluruh Seberang Perai. Angka ini bukan sekadar statistik, tetapi merupakan bukti nyata kepada iltizam kita untuk menyediakan ruang yang kondusif bagi

aktiviti kemasyarakatan, pendidikan awal kanak-kanak, kebajikan serta pembangunan sosial setempat.

4. Penyediaan dewan komuniti dan tadika ini adalah manifestasi tanggungjawab kerajaan tempatan dalam memastikan setiap lapisan masyarakat mempunyai tempat untuk berkumpul, belajar, bersosial dan meningkatkan kesejahteraan hidup. Justeru itu, **peranan pengurus dewan dan tadika** amatlah penting sebagai tulang belakang dalam memastikan kemudahan ini benar-benar dimanfaatkan sepenuhnya oleh masyarakat.
5. Saya ingin menegaskan bahawa pengurus dewan dan tadika perlu lebih **proaktif, kreatif dan bertanggungjawab** dalam menggerakkan program serta aktiviti yang memberi nilai tambah kepada komuniti setempat. Saya juga menyeru agar pihak tuan/puan memastikan kemudahan ini digunakan secara optimum, terancang dan beretika.
6. Dalam masa yang sama, saya ingin **menekankan dengan tegas** bahawa dewan komuniti dan tadika ini **tidak wajar sama sekali disalahgunakan** bagi kepentingan individu atau tujuan yang bercanggah dengan mandat yang telah diberikan. Kemudahan ini adalah hak masyarakat, dan amanah mengurusnya perlu dijunjung dengan penuh integriti.
7. Seperti yang telah dimaklumkan, **Sesi Town Hall bersama Pengurus Dewan dan Tadika MBSP akan diadakan pada setiap tahun,**

sebagai platform untuk menyalurkan maklumat, berkongsi idea dan menyelesaikan isu-isu operasi secara berkesan.

8. Manakala **Anugerah Dewan Komuniti dan Tadika MBSP Terbaik** diadakan setiap **dua (2) tahun sekali**, sebagai pengiktirafan kepada pengurusan terbaik serta pencetus motivasi kepada semua pengurus untuk terus meningkatkan prestasi.
9. Pada kesempatan ini, saya ingin merakamkan **setinggi-tinggi penghargaan dan syabas** kepada semua pengurus yang menyertai Pertandingan Anugerah Pengurusan Dewan Komuniti dan Tadika Terbaik MBSP Tahun 2025. Tahniah juga saya ucapkan kepada para pemenang yang bakal diumumkan sebentar lagi. Semoga kejayaan ini menjadi inspirasi kepada rakan-rakan pengurus yang lain.
10. Untuk makluman awal, Pertandingan Anugerah Pengurusan Dewan Komuniti dan Tadika Terbaik MBSP seterusnya dijangka akan dilaksanakan pada **bulan September 2027**. Saya berharap semua pengurus dapat memanfaatkan masa ini untuk membuat persediaan rapi, memperkukuh pengurusan, serta menggandakan usaha dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat.
11. Sebagai Datuk Bandar, **harapan saya amat besar**. Saya ingin melihat semua Dewan Komuniti dan Tadika MBSP muncul sebagai contoh terbaik di Malaysia dari segi pengurusan, kebersihan, keselamatan, program komuniti serta pencapaian pendidikan awal.

Saya percaya, dengan dedikasi dan kesungguhan tuan-tuan dan puan-puan, cita-cita ini bukanlah sesuatu yang mustahil.

12. Marilah kita bersama-sama menjadikan kemudahan yang diamanahkan ini sebagai pusat kegiatan rakyat yang benar-benar hidup, inklusif dan memberi impak positif kepada seluruh komuniti Seberang Perai. Sesungguhnya, kita bukan sekadar mengurus bangunan; kita sedang membina masa depan masyarakat.
13. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, sekali lagi saya mengucapkan **tahniah dan syabas** kepada semua pengurus dewan komuniti dan tadika yang menunjukkan komitmen luar biasa sepanjang tahun ini. Semoga kecemerlangan tuan-tuan dan puan-puan terus mekar, seiring dengan aspirasi MBSP menuju sebuah bandaraya bertaraf antarabangsa, berdaya saing dan berteraskan kesejahteraan rakyat.
14. Dengan lafaz ***Bismillahir Rahmanir Rahim***, saya dengan sukacitanya merasmikan **Majlis Penutupan Sesi Town Hall dan Penyampaian Anugerah Pengurusan Dewan Komuniti dan Tadika MBSP Tahun 2025.**

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.